

13/02/2004

Keadilan kini tunggangan Pas, DAP

Baharudin Ali Masrom

KEMASUKAN semula Ruslan Kassim, Pengerusi Keadilan Negeri Sembilan dan 11 pemimpin penggerak Keadilan Pusat dan Negeri ke dalam Umno memang sudah diduga. Syabas kepada mereka. Tindakan mereka jelas membuktikan Keadilan kini tidak mempunyai arah tuju dan masa depan lagi.

Sejarah penubuhan Keadilan sendiri hanya didasarkan rasa marah yang meluap-luap kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkaitan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketika itu ramailah anggota Umno berpaling tadah dan menyokong pembangkang. Akibat rasa marah dan emosi yang meluap-luap itu, nasib politik orang Melayu hampir tergadai. Benarlah kata ahli falsafah - keputusan yang dibuat ketika sedang marah (emosional) selalunya silap!

Ternyata kini Keadilan sekadar menjadi kuda tunggangan Pas dan DAP untuk meraih sokongan golongan atas pagar. Bila Pas menang di Terengganu dan mengekalkan Kelantan, Keadilan ibarat melukut di tepi gantang, datang tidak menambah, pergi tidak mengurang! Pas memang tidak mengenang budi.

Bagi saya, sudah sampai masanya Keadilan dibubarkan dan mengikut langkah Semangat 46 menyertai Umno.

Kalau anda adalah pejuang tulen, usah berkira sangat soal kerusi pilihan raya. Umno boleh diajak berbincang dan bersedia memberikan ruang, kerana Umno bukan parti yang tamak dan gilakan kuasa.

Kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri sekarang semudah memperlihatkan keupayaan untuk memacu roda pembangunan bangsa, agama dan negara ke arah yang lebih gemilang dan terbilang.

Kepada Ezam Mohd Nor, Mustaffa Kamil Ayub dan rakan-rakan lain yang masih bertahan dalam Keadilan, segeralah kembali kepada Umno. Tenaga muda anda diperlukan demi menyatupadukan Melayu.

Usahlah habiskan peluru berperang sesama sendiri, yang rugi adalah bangsa, agama dan negara. Usah menang sorak, nanti kampung tergadai!

BAHARUDIN ALI MASROM,
Bekas Ketua Keadilan,
Bahagian Tanjung Karang.